

09 MAR 1999

Litar-rasmi

DR MAHATHIR BUKA LITAR KELAS DUNIA SEPANG

SEPANG, 9 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini merasmikan pembukaan Litar F-1 Sepang di sini yang akan menjadi tuan rumah kepada satu peringkat perlumbaan Formula Satu Oktober ini.

Dr Mahathir melakukan perasmian itu dengan mengebar bendera berpetak, menandakan tamatnya kerja-kerja pembinaan litar sepanjang 5.542 km yang berharga yang mengambil masa lebih sedikit setahun bermula September 1997.

Yang turut hadir pada upacara itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Basir Ismail, pengerusi Malaysia Airports Berhad (MAB), syarikat pemilik trek itu.

Upacara gilang gemilang itu diiringi dengan pancaran cahaya laser dan jambakan bunga api di ruang udara di atas trek itu yang dibina di atas kawasan seluas 260, bekas ladang kelapa sawit.

Upacara itu disiarkan secara langsung oleh RTM manakala mereka yang datang ke situ untuk menyaksikan dikenakan bayaran RM5.

Satu program yang menyeronokkan telah disenaraikan sempena pelancaran itu seperti pemeran kereta, sesi otograf dan bergambar dengan personaliti F-1 termasuk juara dunia kini, Mika Hakkinen dan Finland, pertunjukan motosikal lasak dan perbarisan motosikal.

Hakkinen, yang tiba dari Australia semalam selepas menyertai peringkat pertama perlumbaan F-1 musim ini, melawat litar itu pagi tadi dengan mengujinya dengan sebuah kereta Mercedes sport.

Pada satu majlis jamuan tengahari yang diberikan oleh Mobil Oil Malaysia Sdn Bhd, beliau menyifatkan litar itu sebagai "benar-benar berkelas dunia".

Sebelum perlumbaan F1, penggemar sukan bermotor akan mendapat peluang menyaksikan satu aksi pantas lasak apabila Grand Prix Motosikal Dunia diadakan di litar itu bulan depan.

Litar FI Sepang yang dipasang dengan alat-alat teknologi terkini, ialah satu-satunya trek perlumbaan dunia yang mengadakan grandstand dwi depan yang boleh menampung 30,000 penonton.

Sebanyak 100,000 penonton boleh menyaksikan perlumbaan daripada tempat duduk biasa dan mereka boleh menyaksikan kira-kira 50 hingga 70 peratus perlumbaan itu tanpa bangun daripada tempat duduk mereka.

-- BERNAMA

MAM ZMA